

MIMBAR PUSAT ISLAM

<http://www.utm.my/islamiccentre>

OGOS 2016/1437 H

KHUTBAH MINGGU PERTAMA (JUMAAT/5 OGOS 2016)

TAJUK : MENGHAYATI PENGERTIAN HIKMAH DI DALAM AL-QURAN

Apabila membuka lembaran al-Quran, kita akan dapati satu kalimah yang seringkali disebutkan Allah yang Maha Bijaksana, kalimah ini muncul hampir 20 kali dalam al-Quran. Kadangkala kalimah ini digandingkan dengan kalimah Al-Kitab, dan kadangkala pula ia dinyatakan secara bersendirian, kalimah tersebut ialah Al-Hikmah. Ayat tersebut dengan jelas menegaskan bahawa, tujuan kita semua adalah Allah, kita beramal untuk mencapai keredhaan serta rahmatnya. Oleh itu, seharusnya niat dan tujuan seorang mukmin tatkala menyampaikan agama adalah untuk membawa dan membimbing manusia ke jalan tuhan. Contoh hilang pendekatan al-Quran ini dalam pergerakan, pergaulan dan penuturan kita. Acap kali kita menyampaikan sesuatu, hanya kerana kita merasakan ia perkara yang kita anggap penting, serta perlu disampaikan kepada pihak yang lain. Tanpa memikirkan kesan masa panjang ataupun perasaan dan perspektif insan lain. Satu lagi aspek insan yang memerhatikan hikmah dalam pergaulan dan interaksinya adalah tatkala dirinya berbahas atau berdiskusi. Beliau akan memilih cara yang lebih baik. Lebih-lebih lagi ketika berhadapan dengan orang lain yang berbeza dari sudut pegangan dan orientasi. Imam Assyafie mengatakan, "Tidak pernah aku berbahas ilmu dengan seseorang, melainkan aku tidak menghiraukan, sama ada kebenaran itu timbul pada lisan aku ataupun pada lisannya". Akan tetapi, tujuan kita semua adalah demi mencari kebenaran, serta membimbing insan ke jalan tuhan. Inilah kemuncak adab berikhilaf yang menjadi pegangan para ulama.

KHUTBAH MINGGU KEDUA (JUMAAT/12 OGOS 2016)

TAJUK : KEBENARAN SIRAT

Apabila manusia dibangkitkan selepas kematian, manusia akan melalui proses hisab dan timbangan amal yang amat mendebarkan. Manusia akan melalui satu perjalanan yang sangat menakutkan iaitu berjalan di atas titian sirat yang terbentang di atas neraka dan berakhir di syurga. Dengan api yang menyala di bawah kaki, dan cangkul berduri yang akan menarik setiap manusia yang melaluinya, sesiapa yang berjaya akan ke syurga, yang terjatuh akan ke neraka. Abu Saied Al-Khudri pernah mendengar lalu berkata, "Amat mengerikan suara teriakan, jeritan, tangisan dari pelbagai arah kerana titian sirat ini lebih nipis daripada rambut dan lebih tajam daripada pedang". Hadis Rasulullah bermaksud: "Para Rasul berdoa pada hari itu agar diselamatkan kaumnya daripada pengait seperti duri pokok sa'dan yang akan mengaitnya sesuai dengan amal perbuatan manusia di dunia lalu ada yang dibinasakan dan ada yang terjatuh lalu diselamatkan". Sesiapa yang memilih jalan Allah, berpegang pada syariat Islam maka mudah baginya titian sirat, sebaliknya yang memilih jalan bebas, tidak mahu terikat hal halal haram maka titian sirat amat menyukarkan. Tiada siapa yang boleh menjamin yang kita akan hidup esok hari ataupun hidup sehingga tua, maka bersegeralah beramal kebaikan dan bertaubat.

KHUTBAH MINGGU KETIGA (JUMAAT/19 OGOS 2016)

TAJUK : SEMPURNAKANLAH AMANAH

Sifat amanah merupakan sifat terpuji yang sangat dituntut dalam Islam. Melakukan sesuatu tanpa kepentingan diri, tugas dilaksana dengan sebaiknya walaupun tanpa ketua disisi. Allah berfirman, "Sesungguhnya kami telah mengemukakan tanggungjawab amanah kami kepada langit, bumi dan gunung-ganang maka mereka enggan...sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman". Sifat amanah dengan menggunakan masa sebaiknya, tidak pecah amanah atau salah guna kuasa. Sifat amanah adalah faktor dalam membantu kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat, jika tidak amanah maka runtuh sistem pentadbiran, huru-hara, pendapatan merosot serta mengalami kerugian. Rasulullah S.A.W sebelum menjadi nabi telah mendapat gelaran Al-Amin (yang dapat dipercayai) seperti sabdanya bermaksud: "Tidak sempurna iman bagi sesiapa yang tidak amanah pada dirinya dan tiada agama bagi orang yang tidak dipercayai janjinya", riwayat Imam Ahmad. Orang yang tidak bersifat amanah termasuk dalam golongan munafik dan segala usaha serta amalan tidak diberkati Allah. Pemimpin yang amanah akan bertanggungjawab terhadap segala aspek kehidupan sosial, politik, ekonomi, agama dan pendidikan.

MIMBAR PUSAT ISLAM OGOS 2016/1437 H

KHUTBAH MINGGU KEEMPAT (JUMAAT/26 OGOS 2016)

TAJUK : MENSYUKURI NIKMAT KEMERDEKAAN

Beberapa hari lagi negara kita akan menyambut ulang tahun kemerdekaan. Persoalannya, adakah kita benar-benar bersyukur dengan anugerah kemerdekaan yang Allah SWT kurniakan ini? Dimanakah kedudukan atau tanda syukur kita jika dibandingkan dengan cara Nabi SAW bersyukur? Negara merdeka yang bebas daripada penjajah adalah merupakan satu anugerah dari Allah SWT yang dikurniakan kepada rakyat negara ini, dan satu tanggungjawab yang amat besar untuk kita pertahankan. Ketahuilah sesungguhnya mengisi kemerdekaan adalah satu tugas yang mesti dilaksanakan oleh semua pihak, apatah lagi anak-anak muda kita dewasa ini yang masih tidak kenal sejarah perjuangan, sejarah keperitan bagi mendapatkan kemerdekaan. Kurang memahami erti sebenar kemerdekaan dan cara mensyukurnya juga merupakan diantara sebab sebahagian rakyat kita mulai lupa diri dan pemikirannya masih dijajah. Oleh sebab itu, menjadi tanggungjawab semua warga negara untuk tidak mengundang kemurkaan Allah SWT, dengan melakukan perkara-perkara, amalan-amalan yang bertentangan dengan erti bersyukur itu sendiri, seperti mengadakan acara-acara hiburan yang menyalahi syariat Islam dan meninggalkan pula acara-acara masjid seperti bacaan yasin, tahlil dan solat hajat.



Pusat Islam mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua peserta korban pada tahun ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua sukarelawan yang setia memberikan kerjasama dan bantuan sepanjang program korban dijalankan.

HADIS PILIHAN

"Daripada Uthman Bin Affan RA., Nabi Muhammad S.A.W telah bersabda:
Sebaik-baik manusia dikalangan kamu ialah orang yang belajar Al-Quran
dan mengajarkannya kepada orang lain"
(Riwayat Al-Bukhari, Al-Tarmizi, An-Nasa'i
dan Ibn Majah)

"Daripada Ibn Abas RA., bahawa Nabi Muhammad S.A.W telah bersabda:
Sebaik-baik kamu adalah orang yang baik pergaulannya kepada keluarganya dan aku adalah orang yang paling baik diantara kamu dalam pergaulannya kepada keluargaku"
(Riwayat Al-Tarmizi, Ibn Huban dan Ibn Majah)

Sidang Ridaksi

PENASIHAT :
PM. DR. AMINUDDIN RUSKAM
PENGARAH PUSAT ISLAM
EDITOR :
U. MAHYUDIN MD. SARIP
PEN. EDITOR :
U. IBRAHIM KHALIL ABDULLAH
U. M. FIRDAUS PAZIM@FADZIM
SITI AISYAH HUSIN

EDITOR MIMBAR PUSAT ISLAM:
Pusat Islam
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Johor Bahru
Tel : 07-5537508
07-5537507
FB : Masjid Sultan Ismail, UTM